

Mengangkat Nama Malaysia di Peringkat Antarabangsa: Biografi dan Pencapaian Karamjit Singh Dalam Sukan Rali.

Muhamad Ikhmal Azman¹, Muhammad Izzat Abd Latif², Wan Fatin Ilyana Shaik Ahmad Nazri³, Jafalizan Md Jali⁴, dan Marlia Idrus^{5*}

¹ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi, MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; mikhmal089@gmail.com

² Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi, MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; izzatmuhd598@gmail.com

³ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi, MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; wanfatinilyana01@gmail.com

⁴ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi, MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

⁵ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi, MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; marlia945@uitm.edu.my

* Correspondence: marlia945@uitm.edu.my; +60174249248

Abstrak: Artikel ini merupakan tentang biografi Encik Karamjit Singh. Ianya mengenai perjalanan kerjaya dan pencapaian beliau sebagai pelumba rali negara yang banyak mengharumkan nama negara dengan memenangi pelbagai perlumbaan rali di peringkat antarabangsa. Walaupun pelbagai rintangan yang beliau hadapi terutama sekali dari segi dana untuk menyertai perlumbaan, namun Encik Karamjit Singh tidak pernah berputus asa dengan sukan yang beliau cintai dan cemburi selama lebih 40 tahun iaitu perlumbaan rali.

Kata kunci: : Rali, Kereta, Dana, Pencapaian.

DOI: 10.5281/zenodo.14994957



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Oleh sebab itu, Malaysia memiliki pelbagai budaya, sejarah, permainan tradisional, makanan tradisional. Walaupun terdapat pelbagai bangsa dan kaum di Malaysia seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Melanau, Bidayuh, Murut, Bajau, Baba & Nyonya, dan sebagainya, tetapi, semua rakyat Malaysia mampu hidup harmoni dan bersatu padu bagaikan aur dengan tebing sebagai sebuah negara yang berkembang pesat.

Salah satu contoh perpaduan rakyat Malaysia yang dapat dilihat apabila terdapat kejohanan sukan di peringkat antarabangsa yang membabitkan pasukan ataupun atlet yang mewakili Malaysia. Ia dapat dilihat apabila seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada atlet Malaysia yang sedang bertanding. Bukan itu sahaja, seluruh rakyat Malaysia bersorak kegembiraan apabila atlet Malaysia berjaya memenangi sesuatu perlawanan

mahupun sebuah kejohanan, terlebih lagi apabila kejohanan tersebut amat signifikan kepada atlet tersebut ataupun kepada industri sukan negara mahupun kepada sejarah negara ini sendiri seperti Sukan Komanwel, Sukan Asia, dan Sukan Olimpik. Untuk dijadikan sebagai contoh, Dato' Lee Chong Wei yang memenangi pingat perak di Olimpik Beijing 2008, Olimpik London 2012, dan Olimpik Rio 2016. Selain daripada Sukan Olimpik, kejayaan beliau yang membuat rakyat Malaysia bersatu adalah memenangi Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast ketika beliau sudah pun berusia 35 tahun ketika itu dengan menewaskan pemain nombor 1 dunia ketika itu iaitu Srikanth Kidambi dari India pada perlawanan akhir. Selain itu, kejayaan Lee Zii Jia dan juga pasangan beregu lelaki iaitu Aaron Chia / Soh Wooi Yik memenangi pingat gangsa di Olimpik Paris 2024 juga berjaya menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Ianya dapat dilihat apabila banyak video muncul di beranda 'TikTok' yang menunjukkan ramai rakyat Malaysia menonton dan memberi sokongan kepada mereka menerusi skrin layar lebar serta bersorak apabila mereka berjaya memenangi perlawanan dan juga pingat di Sukan Olimpik.

Selain daripada sukan Badminton, terdapat satu sukan yang banyak mengharumkan nama negara iaitu sukan permotoran. Walau bagaimanapun, sukan ini jarang diberi perhatian oleh media dan juga rakyat Malaysia secara umumnya. Tambahan pula, pelumba yang bergiat dalam arena permotoran juga kurang dikenali kecuali dalam kalangan komuniti permotoran di Malaysia. Jika seseorang pelumba motosikal negara yang dikenali oleh rakyat Malaysia, insan tersebut adalah Hafizh Syahrin. Hal ini ditambah lagi dengan persepsi rakyat Malaysia secara umumnya bahawa sukan permotoran adalah perlumbaan haram atau lebih dikenali sebagai 'rempit' yang menggambarkan gejala sosial dalam kalangan anak muda yang telah menjadi barah dalam masyarakat dari zaman ke zaman dan seolah-olah tiada penghujungnya. Ditambah pula terdapat banyak kemalangan jalan raya dan juga jenayah yang disebabkan oleh perlumbaan haram yang membabitkan golongan ini. Segala persepsi negatif ini telah menenggelamkan sumbangan, kejayaan, serta prestij sukan permotoran yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia sedangkan sukan permotoran ini sangat berprestasi di luar negara terutama di sekali di negara-negara maju. Oleh sebab itu, kajian sejarah lisan dan pendokumentasian ini sangat penting untuk memastikan sukan permotoran yang dijalankan mengikut peraturan dan tahap keselamatan yang optimum dapat diiktiraf dan diberi penghargaan oleh masyarakat atas sumbangan mereka membawa nama negara di peringkat antarabangsa.

Menurut Nadza Haron, Para sejarawan yang bersidang dalam Proceedings of the National Colloquium on Oral History pada tahun 1966 telah bersetuju bahawa "tiada takrif sejarah lisan yang eksklusif" untuk sejarah lisan dan pendokumentasian. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai pendapat dari pelbagai sejarawan tentang definisi sejarah lisan dan pendokumentasian. Menurut A.R. Fry dan W. Baum (1969) seperti yang dipetik oleh Mohd Amin Hassan (1974), pakar-pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 telah sebulat suara menerima definisi umum bagi sejarah lisan ialah suatu metode untuk mendapat dan mengumpulkan sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan, biasanya di atas pita rakaman. Manakala, menurut Donald A. Ritchie (2003) pula, 'oral history' (sejarah lisan) boleh didefinisikan sebagai satu kaedah mengumpul memori-memori dan pengalaman yang bernilai sejarah yang dirakamkan melalui wawancara.

Secara umumnya, sejarah lisan dan pendokumentasian dijalankan untuk satu dokumen yang menceritakan sejarah tokoh, budaya, makanan tradisional, permainan tradisional, pakaian tradisional, dan sebagainya dari keterangan, temubual, atau tradisi lisan yang disampaikan melalui rakaman atau transkrip. Selain itu, sejarah lisan juga bertujuan untuk mengumpul kenyataan dan pengalaman peribadi individu sumber yang mempunyai nilai penting dalam sesuatu isu sejarah tertentu. Bukan itu sahaja, penggunaan sejarah lisan sebagai salah satu cabang sejarah sangat penting kerana kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam kajian sesuatu sejarah. Oleh itu, sejarah lisan

berperanan melengkapkan sumber-sumber sejarah dan menjadi sokongan kepada sumber-sumber utama yang lain. Contohnya, Thucydides ketika mengkaji serta menulis tentang Sejarah Perang Peloponnesia telah mempertimbangkan keterangan daripada saksi mata yang menyaksikan peristiwa peperangan itu secara langsung untuk memperoleh catatan sejarah tentang peperangan tersebut. Oleh sebab itu, pemilihan tokoh atau peserta kajian sangat penting untuk memastikan catatan sejarah yang diperoleh untuk sesuatu kajian adalah telus dan sememangnya boleh dijadikan rujukan dari generasi ke generasi

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian dan permasalahan sememangnya tidak boleh dipisahkan. Sudah menjadi keperluan untuk para pengkaji untuk mencari cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam menjalankan kajian. Sama juga seperti kami, kami juga menghadapi beberapa masalah dalam menjalankan kajian ini dan akan memberi kesan sekiranya tidak dapat diatasi. Malah, salah satu sebab kajian ini dibuat adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Pertama sekali, masalah yang kami hadapi adalah kami tidak beberapa mengenali insan yang bernama Karamjit Singh yang merupakan tokoh yang kami pilih untuk kajian ini memandangkan kami bukan peminat industri permotoran. Hal ini merupakan perkara yang tidak sepatutnya berlaku kerana beliau telah banyak mengharumkan nama negara dalam arena permotoran. Hal ini menyebabkan jasa beliau tidak diiktiraf oleh rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, kami berharap kajian kami sedikit sebanyak dapat membantu mengiktiraf jasa beliau dalam industri permotoran.

Seterusnya, masalah yang kami hadapi adalah sumber yang terhad untuk mendapatkan maklumat tentang Karamjit Singh. Sudah semestinya sebagai seorang tokoh yang bergelar legenda, maklumat tentang beliau sama ada tentang latar belakang, pencapaian, perjalanan kerjaya, dan sebagainya mudah diakses sama seperti legenda yang lain terutama sekali dalam bidang sukan. Sekiranya perkara ini berterusan, nama serta jasa beliau akan tenggelam ditelan zaman dan ini tidak sepatutnya berlaku kepada seorang yang banyak mengharumkan nama negara.

Akhir sekali, kami mendapati sebahagian maklumat tentang Karamjit Singh tidak tepat dan boleh dipercayai. Hal ini menyebabkan orang awam dan para pengkaji tidak dapat memperoleh maklumat yang mereka cari akibat sumber yang tentang beliau. Oleh sebab itu, kami berikhtiar untuk mendapatkan serta mendokumentasikan maklumat tentang beliau yang bersumberkan dari tokoh itu sendiri.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk merungkai asal usul tokoh sukan permotoran negara yang telah memberikan inspirasi kepada banyak pihak. Asal usul ini meliputi latar belakang keluarga, pendidikan, serta perjalanan awal tokoh tersebut dalam bidang permotoran. Penyelidikan ini penting untuk memahami bagaimana pengaruh awal dan persekitaran telah membentuk kejayaan tokoh ini.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sumbangan dan pencapaian tokoh yang ditemu bual. Fokus diberikan kepada peranan beliau dalam memajukan sukan permotoran di peringkat tempatan dan antarabangsa, serta kejayaan yang telah dicapai sepanjang kariernya.

Usaha dan pengorbanan tokoh ini akan dianalisis untuk melihat bagaimana sumbangannya memberikan impak positif kepada masyarakat dan negara.

Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan biografi dan sejarah tokoh permotoran negara tersebut. Pendokumentasian ini akan merangkumi perjalanan hidup, pengalaman, serta cabaran yang dihadapi dalam mengukuhkan nama beliau sebagai ikon sukan permotoran. Kajian ini bukan sahaja akan menjadi rujukan kepada generasi masa kini dan akan datang, tetapi juga sebagai penghormatan kepada tokoh yang telah berjasa dalam memartabatkan sukan permotoran negara.

4. PERSOALAN KAJIAN

- I. Dimanakah asal usul tokoh sukan permotoran negara?
- II. Apakah sumbangan dan pencapaian tokoh yang ditemu bual?
- III. Apa yang perlu didokumentasikan dalam biografi dan sejarah tokoh permotoran negara?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009), sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam proses pencatatan sejarah, khususnya sejarahsejarah di Malaysia. Menurut kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), salah satu kelemahan utama dalam usaha menulis semula sejarah Malaysia adalah kekurangan sumber-sumber sejarah asal. Hal ini berkait rapat dengan kurangnya tradisi dalam masyarakat Malaysia untuk menyimpan diari, menulis dokumen, atau mencatat riwayat hidup. Dalam situasi ini, sumber lisan memainkan peranan yang sangat penting bagi memelihara dan menambah sumber-sumber sejarah yang sedia ada. Manakala, menurut Rozeman Abu Hassan (2004), sejarah lisan bertujuan untuk mendapat dan memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan sudah hilang. Rozeman Abu Hassan juga menyatakan bahawa sumber lisan juga bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan.

Dalam kajian ini, kami memfokuskan untuk membuat pendokumentasian tentang seorang legenda pelumba kereta iaitu Karamjit Singh. Beliau telah mengharumkan nama negara dalam pelbagai perlumbaan antarabangsa di dalam dan juga luar negara. Walau bagaimanapun, nama Karamjit Singh itu sendiri jarang menjadi sorotan media walaupun telah berpuluh tahun mengharumkan nama negara dalam arena permotoran. Oleh itu, nama beliau kurang dikenali dalam masyarakat kita dan yang mengenali beliau dan pencapaiannya hanyalah komuniti permotoran di negara kita. Malah, tidak banyak maklumat tentang beliau di internet walaupun semuanya di hujung jari pada masa kini. Oleh sebab itu, kami berminat untuk menjalankan kajian sejarah lisan dan pendokumentasian tentang latar belakang, perjalanan kerjaya, serta pencapaian Karamjit Singh. Hal ini demikian supaya masyarakat kita lebih menghargai sumbangan beliau dalam membawa dan mengharumkan nama negara dalam sukan permotoran. Selain itu, kami juga berharap pendokumentasian ini dapat memberi inspirasi kepada generasi masa kini dan juga masa hadapan yang berminat serta ingin berjaya dalam sukan permotoran.

6. TINJAUAN LITERATUR

a) Sejarah dan Perkembangan Sukan Rali di Malaysia

Kajian ini boleh menelusuri bagaimana sukan rali diperkenalkan di Malaysia dan perkembangannya sejak era awal hingga kini. Ia juga melihat peranan institusi sukan dan pelumba tempatan dalam mewujudkan budaya sukan permotoran di negara ini.

b) Biografi Karamjit Singh

Biografi Karamjit Singh akan memberi gambaran tentang perjalanan hidup beliau, termasuk latar belakang, pendidikan, dan faktor yang mendorong beliau untuk menceburi sukan rali. Maklumat ini penting untuk memahami bagaimana beliau muncul sebagai ikon sukan permotoran negara.

c) Pencapaian dan Kejayaan Dalam Sukan Rali Antarabangsa

Kajian ini mengupas kejayaan Karamjit Singh di peringkat antarabangsa, termasuk kemenangan dan anugerah yang diterimanya. Ia juga akan menyentuh impak kejayaan tersebut terhadap reputasi Malaysia di arena sukan permotoran.

d) Cabaran dan Rintangan yang Dihadapi oleh Pelumba Rali Malaysia

Kajian ini mengenal pasti pelbagai cabaran seperti kekurangan dana, infrastruktur, dan peluang latihan yang dihadapi oleh pelumba rali Malaysia, termasuk bagaimana Karamjit Singh mengatasi halangan-halangan ini untuk mencapai kejayaan.

e) Sumbangan Karamjit Singh kepada Pembangunan Sukan Permotoran Malaysia

Kajian ini menilai bagaimana Karamjit Singh membantu memajukan sukan permotoran di Malaysia melalui pengalaman, bimbingan, dan penganjuran acara yang meningkatkan minat masyarakat terhadap sukan ini.

f) Teknologi dan Inovasi Dalam Sukan Rali

Artikel ini meneroka bagaimana teknologi seperti sistem navigasi, reka bentuk kereta rali, dan strategi perlumbaan digunakan oleh pelumba seperti Karamjit Singh untuk meningkatkan prestasi mereka di litar perlumbaan.

g) Pengaruh Karamjit Singh Terhadap Generasi Baru Pelumba Rali

Kajian ini mengkaji bagaimana Karamjit Singh menjadi inspirasi kepada pelumba muda, termasuk melalui program latihan, ceramah motivasi, atau penglibatannya dalam akademi sukan permotoran.

h) Sumbangan Karamjit Singh kepada Ekonomi dan Industri Permotoran Malaysia

Kajian ini membincangkan kesan kejayaan Karamjit Singh terhadap industri automotif dan pelancongan sukan, serta peranannya dalam meningkatkan perhatian terhadap sukan rali di peringkat nasional dan antarabangsa.

i) Pengalaman Karamjit Singh di Perlumbaan Antarabangsa

Kajian ini memberikan tumpuan kepada pengalaman unik Karamjit Singh dalam perlumbaan antarabangsa, termasuk cabaran yang dihadapi dalam menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan perlumbaan di negara lain.

j) Analisis Psikologi dan Fizikal Pelumba Rali

Kajian ini meneroka aspek mental dan fizikal yang diperlukan oleh seorang pelumba rali profesional, seperti daya tahan, ketahanan emosi, dan latihan fizikal yang diamalkan oleh Karamjit Singh sepanjang kariernya.

7. METODOLOGI

Kaedah yang kami gunakan untuk menjalankan kajian sejarah lisan dan pendokumentasian adalah dengan mengadakan temubual bersama tokoh yang kami pilih iaitu Karamjit Singh. Pertama sekali, salah seorang ahli kumpulan kami iaitu Wan Fatin Ilyana pergi berjumpa tokoh tersebut secara peribadi di sebuah perlumbaan yang membabitkan tokoh tersebut di litar Sepang. Hal ini memandangkan Fatin menghadiri perlumbaan tersebut bersama abangnya yang juga terlibat dalam perlumbaan tersebut. Fatin telahpun menemui Karamjit Singh untuk bertanya sama ada beliau bersetuju untuk ditemubual bagi kajian ini dan beliau telah memberi persetujuan untuk menjadi peserta kajian bagi kajian ini. Kami dijangka akan mengadakan sesi temubual bersama beliau pada awal November iaitu selepas beliau menamatkan perlumbaan di China.

Pada temubual tersebut, kami merancang untuk bertanya serta mendapatkan maklumat tentang latar belakang, perjalanan kerjaya, pencapaian, memori yang tidak boleh dilupakan, pandangan beliau tentang industri permotoran pada masa kini, pesanan beliau untuk generasi masa kini dan juga masa hadapan yang ingin mencemburi bidang permotoran, dan juga sebarang maklumat yang boleh kami peroleh dari beliau untuk kajian ini.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian daripada temubual bersama Karamjit Singh telah memberikan gambaran mendalam mengenai perjalanan hidup dan kejaya beliau sebagai pelumba rali profesional. Latar belakang dan motivasi awal menjadi tema utama yang mendedahkan bagaimana beliau memulakan minatnya dalam sukan rali sejak usia muda. Karamjit berkongsi bahawa minatnya terhadap kereta dan perlumbaan dipengaruhi oleh keluarganya, terutamanya ayahnya, yang juga seorang peminat permotoran. Dorongan dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi menjadi asas kejayaan beliau dalam dunia sukan yang penuh cabaran ini.

Selain itu, tema cabaran dan strategi kejayaan menggariskan kesulitan yang dihadapi oleh Karamjit Singh sepanjang kerjayanya, seperti kekangan kewangan, persaingan sengit, dan adaptasi terhadap teknologi perlumbaan terkini. Beliau menekankan pentingnya disiplin, latihan berterusan, serta hubungan yang baik dengan pasukan dan penaja untuk mengatasi cabaran tersebut. Keupayaannya untuk bersaing di peringkat antarabangsa dengan sumber yang terhad menjadi bukti kekuatan mental dan kebolehannya untuk berinovasi.

Tema terakhir yang dapat diambil ialah sumbangan kepada sukan rali Malaysia. Karamjit Singh tidak hanya menjadi ikon sukan permotoran tetapi juga sumber inspirasi kepada generasi muda. Beliau sering terlibat dalam program pembangunan bakat baharu, menyumbang pengalaman dan pengetahuan kepada pelumba muda melalui bengkel dan latihan. Kejayaannya juga telah meningkatkan reputasi Malaysia dalam arena sukan permotoran global, menjadikan beliau simbol harapan dan kebanggaan negara.



Gambar 1: Gambar bersama Encik Karamjit Singh

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, temubual dengan Encik Karamjit Singh telah memberikan gambaran jelas tentang perjalanan kerjaya beliau sebagai pelumba rali yang penuh dengan cabaran dan kejayaan. Keazaman dan dedikasi beliau dalam sukan permotoran terbukti melalui pencapaiannya yang luar biasa, termasuk menjadi juara dunia dan juara Asia Pasifik. Walaupun menghadapi kesulitan kewangan yang besar, beliau tetap berjaya mengatasi rintangan tersebut dengan usaha gigih dan pengorbanan peribadi, menjadikan kejayaannya sebagai inspirasi bagi generasi pelumba muda di Malaysia.

Selain itu, Encik Karamjit turut memberi nasihat berharga kepada generasi muda untuk melakukan sesuatu dengan sepenuh hati dan komitmen, kerana kejayaan hanya akan datang dengan usaha yang tidak kenal lelah. Beliau juga berharap agar lebih banyak sokongan dan tajaan dari pihak kerajaan dan korporat dapat diberikan bagi memajukan industri rali di Malaysia. Temubual ini bukan sahaja memperkenalkan tokoh legenda sukan rali negara, tetapi juga memberikan motivasi dan panduan bagi mereka yang ingin menceburi bidang ini.

Acknowledgments: We would like to express our deepest gratitude to all those involved in making this case study and research a success. First of all, we would like to express our deepest gratitude and appreciation to Sir Jafalizan, the oral history lecturer who has provided endless guidance and useful inputs from beginning to end. Without him, we would not have been able to complete this study successfully. Next, we would like to express our deepest gratitude to our parents for always supporting us by providing mental support throughout this research. We would also like to express our deepest gratitude to Encik Karamjit Singh, our first figure, for willing to take the time to be interviewed. He has experience as a driver in Rally Car Championship since he was young. The information he shared is very valuable as a reference for future generations. Finally, we would like to express our gratitude to our classmates who also helped in completing this case study and research on Rally Car.

RUJUKAN

- Bernama. (2021, April 13). *'Flying Sikh' kembali beraksi, janji kembalikan kegemilangan rali*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-sukan/flying-sikh-kembali-beraksi-janji-kembalikan-kegemilangan-rali-293046>
- Bernama. (2023, January, 16). *'Flying Sikh' tinggalkan Proton, pilih Perodua Myvi*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-sukan/flying-sikh-tinggalkan-proton-pilih-perodua-myvi-402055> .
- Shacki. (n.d.). Karamjit Singh - rally profile eWRC-results.com. eWRC-results.com: <https://www.ewrcresults.com/profile/686-karamjit-singh/>
- Tan, P. (2005, October 28). Government to help Karamjit. Retrieved from Pau Tan: <https://paultan.org/2005/10/28/government-to-help-karamjit/>
- Tan, P. (2005, August 15). Karamjit will not be able to defend APRC title. Retrieved from Paul Tan: <https://paultan.org/2005/08/14/karamjit-will-not-be-able-to-defend-aprc-title/>
- Tan, P. (2005, June 14). Why Can't Karamjit Singh Secure Sponsorship? Retrieved from Paul Tan: <https://paultan.org/2005/06/14/why-cant-karamjit-singh-secure-sponsorship/>